

TARIKH SIARAN : 5 APRIL 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
KATEGORI BERITA : NASIONAL
MUKA SURAT : 7

Prosiding PAC wajar dilakukan secara terbuka

Kuala Lumpur: Kepemimpinan baharu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berpendapat prosiding PAC wajar dilakukan secara terbuka bagi memastikan ia dijalankan secara telus, berakuntabiliti dan berkredibiliti, seiring agenda reformasi institusi yang menjadi fokus utama kerajaan ketika ini.

Susulan itu, Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin dan Timbalannya, Wong Shu Qi dalam kenyataan bersama mengesakan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul selaku Pengerusi Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, membuat pindaan berhubung peraturan yang melarang prosiding jawatankuasa berkenaan diadakan secara terbuka.

Katanya, peruntukan larangan itu dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peratu-

ran Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

“Kami percaya, ketelusan dan akauntabiliti penting untuk membina kepercayaan orang ramai dan memastikan kerajaan ketika ini memenuhi keperluan rakyatnya.

“Kami berharap dapat bekerjasama dengan ahli PAC yang bakal dipilih dalam melaksanakan tanggungjawab dan mandat diberikan,” katanya.

Pilih wakil kerajaan, pembangkang

Kenyataan bersama itu antara lain, menyeru Jawatankuasa Pemilihan dipengerusikan Johari segera melantik 12 ahli PAC, masing-masing lapan wakil kerajaan dan bakinya daripada blok pembangkang.

Mereka berkata, ia bagi membolehkan tugas untuk memerik-



Mas Ermieyati (kanan) dipilih sebagai Pengerusi PAC bersama Shu Qi sebagai Timbalan Pengerusi PAC.

sa tatacara kewangan awam dan memastikan dana awam dibelanjakan secara berhemah serta efisien, dapat dilaksanakan.

Selain itu, katanya, Mas Ermieyati dan Shu Qi bercadang mengadakan pertemuan dengan **ex officio PAC** bagi membincang-

kan hala tuju dan hal berkaitan jawatankuasa itu.

Ex officio berkenaan ialah Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Audit Negara, **Jabatan Akauntan Negara**

dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Saya dan Shu Qi juga ber-setuju mengadakan lawatan kerja ke Limbungan Kapal Boustead Heavy Industries Corp (BHIC) di Lumut, Perak.

“Ia bagi mengetahui perkembangan terkini kapal peronda Littoral Combatant Ship (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia yang sepatutnya dilaporkan kepada PAC setiap tiga bulan, sekali gus menjadi tugas pertama PAC Parlimen Ke-15,” katanya.

Pencalonan kedua-dua Ahli Parlimen itu bagi menganggotai jawatankuasa berkenaan disokong sebulat suara oleh ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang, selepas dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat, semalam.